

H. KUKUM Meterai MoU Dengan Universiti Coventry

Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Universiti Coventry pada 31 Mac 2005 lalu, bertempat di dewan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Kuala Perlis dalam satu jamuan makan malam bersempena dengan Program Pendedahan Industri (InDex) KUKUM 2005 anjuran Pusat Kerjasama Industri (CIC) KUKUM untuk mahasiswa-mahasiswa tahun pertamanya.

Majlis menandatangani perjanjian tersebut telah disempurnakan oleh Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin, Rektor KUKUM dan Prof. Ashraf Jawaid, Pro-Vice Canselor, Universiti Coventry dan disaksikan oleh Prof. Dr. Ali Yeon Md. Shakaff, Timbalan Rektor (Akademik) KUKUM, Encik Jamali Md. Shah, Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Pembuatan, KUKUM dan Prof. Madya Zaliman Sauli, Pengarah, Pusat Kerjasama Industri (CIC) KUKUM.

"KUKUM berasa amat bangga di atas kesudian Prof. Ashraf yang mewakili Universiti Coventry untuk bekerjasama dengan KUKUM. Saya percaya hasil kolaborasi antara kedua-dua buah universiti ini, ia akan membawa kita kepada penerokaan kepada pelbagai cabang dan disiplin ilmu di masa-masa akan datang. Ia sudah pasti akan memberi kebaikan kepada KUKUM mahupun Universiti Coventry," ringkas Prof. Dato' Kamarudin dalam ucapan aluannya.

Memorandum Persefahaman tersebut akan merangkumi hubungan dari segi penyelidikan bersama di dalam bidang pembuatan termasuk 'enviro-lean' iaitu proses sistematik yang dapat membantu mana-mana organisasi mengatasi kos tanggungan dari bahan buangan selain memokuskan kepada pengurangan kesan bahan buangan yang boleh mencemarkan alam sekitar.

MoU tersebut juga akan merangkumi program pertukaran pelajar antara kedua-dua buah universiti, penempatan kakitangan akademik KUKUM di Universiti Coventry selama beberapa minggu, penempatan kakitangan akademik Universiti Coventry di KUKUM untuk menjalankan penyelidikan dan mengajar, baik sebagai Pensyarah Lawatan (*Visiting Academics*) atau Pensyarah Kontrak (*Contract Academics*) dan peluang melanjutkan pelajaran bagi kakitangan akademik KUKUM secara berkembar.

Sementara itu Prof. Ashraf, berkata, hasil dari pemerhatiannya mendapati kakitangan akademik dan pelajar KUKUM begitu dedikasi dan menunjukkan komitmen yang tinggi di dalam pembelajaran dan pengajaran mereka. Beliau juga berpendapat program akademik yang diamalkan di universiti ini melalui pendekatan 'lab-intensive' sangat baik dan percaya graduan yang akan dihasilkan oleh KUKUM kelak tidak akan menghadapi masalah untuk mendapat pengiktirafan antarabangsa dan pekerjaan.

Universiti Coventry yang dahulunya dikenali sebagai Politeknik Coventry telah ditubuhkan dalam tahun 1843, merupakan sebuah universiti yang cukup terkenal di dalam bidang penyelidikan. Universiti tersebut telah mendapat pengiktirafan dari Research Assessment Exercise (RAE), satu badan pengiktirafan kualiti bagi universiti-universiti dan kolej-kolej di United Kingdom dan diklasifikasikan Gred '4' di dalam bidang 'Metalurgi', 'Bahan', 'Politik dan Kajian Antarabangsa' dan 'Rekaan'.



H/1



H/2



H/3